

## TPM taja 20 pokok tecoma hargai alam sekitar

Utusan Online

16 September 2018



UTUSAN  
ONLINE

Berita Rencana Hiburan Bisnes Sukan Mega

Berita > Wilayah > Perak Johor Kedah Kelantan KL & Putrajaya Melaka N.Sembilan Pahang Perlis P.Pinang Sabah

### TPM taja 20 pokok tecoma hargai alam sekitar

17 September 2018 3:00 AM

PELAJAR Kelab Sains dan Matematik Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad di Batu Gajah, Perak, menanam pokok tecoma di kawasan sekolah yang pantau ahli hortikultur TPM semalam.

BATU GAJAH 16 Sept. – Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM) menaja 20 anak pokok tecoma untuk ditanam sempena Hari Kokurikulum Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Toh Indera Wangsa Ahmad dekat sini semalam.

Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Ir. Mohd. Azman Shahidin berkata, penanaman pokok tecoma bertujuan menggalakkan pelajar menghargai nilai-nilai perlindungan alam sekitar dengan mengurangkan kesan perubahan iklim.

Tambah beliau, pokok-pokok yang ditanam di kawasan sekolah juga mendedahkan pemikiran pelajar tentang pemuliharaan alam sekitar lebih awal selain menggalakkan pembudayaan sukarelawan belia dan pengindahan landskap secara semulajadi.

"Pokok berbunga tecoma yang juga dikenali sebagai Sakura Malaysia sering dilihat di Malaysia dengan bunga merah jambu, ungu, atau putih.

"Bunga ini mekar dua kali setahun semasa cuaca panas dan ia pastinya akan menambah keindahan persekitaran sekolah ini nanti," katanya.

Majlis penanaman pokok itu telah disempurnakan Ahli Parlimen Batu Gajah, V. Sivakumar bersama dengan ahli-ahli Kelab Sains dan Matematik sekolah berkenaan.

Kata Mohd. Azman, TPM mempunyai lebih daripada 200 pokok tecoma di kampusnya di Bukit Jalil, Kuala Lumpur yang ditanam di tanah seluas 274 hektar.

Tambah beliau, selain penanaman pokok, pelbagai aktiviti dan pameran turut diadakan iaitu pameran produk, pameran poster, kuiz, dan pelbagai aktiviti interaktif berkaitan sains, teknologi dan inovasi (STI).

Katanya, acara sehari tersebut disokong oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) bersama-sama dengan sembilan lagi agensi nasional di bawahnya.

Satu lagi aktiviti menarik yang kami harapkan akan menarik perhatian para pelajar adalah booth simulasi STEM TPM. Matlamatnya adalah untuk mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi dan memberi inspirasi kepada kanak-kanak sekolah dan belia tentang keseronokan sains, kepentingan STI dan pelbagai peluang yang ditawarkan oleh pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.

"Saya yakin penyertaan TPM dalam program yang disokong oleh MESTECC ini akan menawarkan setiap pelajar sekolah ini dan masyarakat sekitar baik muda atau tua tentang peluang untuk mendapat pengetahuan yang lebih baik mengenai usaha yang dilakukan oleh kerajaan," katanya.